

08/09/1998

PM rasmi sidang, ekspo francais

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Persidangan dan Ekspo Francais Malaysia yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), mulai 24 September ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata persidangan dan ekspo dua hari itu bertujuan mempromosi dan memperluaskan lagi kegiatan industri francais tempatan.

"Setakat ini sambutan terhadap ekspo dan persidangan itu agak menggalakkan apabila 82 pengusaha francais dari dalam dan luar negara dan 300 peserta ekspo dijangka menyertainya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Restoran DeliGiant Nasi Lemak Pasar Budaya, hari ini.

Ia adalah restoran ketiga diperkenalkan di bawah konsep francais DeliGiant selepas di Medan Mara dan Sunway Pyramid.

Turut hadir Pengerusi Central Market Development Sdn Bhd, Tunku Abdullah Tunku Abdul Rahman dan Pengarah Urusan DeliGiant, Teng Yew Huat.

Mustapa berkata, kementerian juga sudah mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mewujudkan kiosk francais makanan tempatan di kawasan tumpuan orang ramai bagi menggalakkan lagi kegiatan francais.

Beliau turut menggesa syarikat tempatan yang mengusahakan perniagaan berkonsepkan francais meluaskan kegiatan mereka ke luar negara.

Katanya, konsep francais kini bukan dapat memastikan penyediaan produk makanan bermutu dengan sistem pembungkusan yang kemas dan menarik serta serta menghasilkan keuntungan lumayan.

(END)